24/10/ 24/10/2023

**KENYATAAN TAWARAN TENDER TERBUKA**

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** terbuka kepada semua bertaraf Bumiputera dan bukan Bumiputera dalam kod bidang seperti di bawah bagi menyertai tender berikut:

| Tajuk Tender | Kod Bidang Pendaftaran | Tarikh Tutup Tender | Taklimat Tender |
|---|---|---|---|
| **TENDER PERKHIDMATAN PERLINDUNGAN SKIM INSURANS PENGHOSPITALAN DAN SURGERI, SKIM INSURANS HAYAT DAN SKIM INSURANS KEMALANGAN BERKELOMPOK BAGI PETUGAS TETAP 2024**<br><br>**NO. RUJUKAN : BER/TDR/03/2023** | **221801 SYARIKAT INSURANS**<br><br>**atau**<br><br>**221802 BROKER INSURANS** | **17 November 2023 (Jumaat) jam 12.00 tengah hari**<br><br>Tawaran yang dihantar selepas jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup tidak akan dipertimbangkan | **27 Oktober 2023 (Jumaat)**<br><br>**(Kehadiran digalakkan)** |

Dokumen Tender boleh didapati mulai tarikh **27 Oktober 2023 (Jumaat)** pada waktu pejabat (9.00 Pagi – 5:30 Petang) di Bahagian Perolehan BERNAMA, Tingkat 6, Wisma BERNAMA, Off Jalan Tun Razak, 50400, Kuala Lumpur dengan menyertakan tunai/wang pos/kiriman wang pos/ bank deraf berharga **RM150.00** yang dibuat atas nama Pertubuhan Berita Nasional Malaysia kepada Akauntan (Bahagian Terimaan). Syarikat juga wajib berdaftar sebagai pembekal BERNAMA di laman web https://myvendor.bernama.com/login.

Syarikat perlu emelkan butiran dan bukti pembayaran kepada Urus Setia Perolehan untuk menerima salinan asal Dokumen Tender.

Satu sesi **taklimat secara atas talian** akan diberikan dan penyertaan semua syarikat yang berkelayakan adalah **digalakkan**. Hanya nama yang berdaftar dalam Sijil Akuan Pendaftaran Kementerian Kewangan sahaja dibenarkan menyertai sesi taklimat. Bagi syarikat yang tidak dapat menghadiri taklimat, perlu membuat permohonan melalui emel kepada Urus Setia Perolehan untuk mendapatkan salinan asal Dokumen Tender. Taklimat akan diadakan seperti berikut:

**Tarikh : 27 Oktober 2023 (Jumaat)**
**Masa : 10.30 pagi**
**Tempat : Secara Atas Talian**

**Syarikat yang ingin menyertai taklimat perlu mengemukakan Borang Pengesahan Kehadiran. Syarikat juga wajib mengemukakan Sijil Kementerian Kewangan Syarikat yang masih aktif ketika menghadiri taklimat tersebut. Hanya syarikat yang mempunyai kod bidang berkaitan sahaja layak menyertai tender ini. Pihak tuan/puan juga boleh melayari laman web rasmi BERNAMA iaitu www.bernama.com untuk kenyataan tawaran tender BERNAMA.**

Syarikat perlu mengemukakan tawaran tender secara manual ke dalam peti tender berserta dokumen-dokumen sokongan dan melalui sistem BERNAMA pada atau **sebelum jam 12.00 tengah hari, 17 November 2023 (Jumaat) di** alamat berikut:

**Bahagian Perolehan**
**Tingkat 6, Wisma BERNAMA**
**Jabatan Kewangan dan Pentadbiran**
**28, Jalan BERNAMA, Off Jalan Tun Razak**
**50400 Kuala Lumpur**
**(u.p : Urus Setia Perolehan BERNAMA)**
**No Tel : 03-2631 1685**
**E-mel : haniiah.ahya@bernama.com**

Syarikat yang memerlukan sebarang penjelasan lanjut mengenai Dokumen Tender boleh berhubung secara bertulis melalui surat rasmi yang di e-mel kepada alamat e-emel **haniiah.ahya@bernama.com**

Tawaran Tender yang lewat dikemukakan dan kelewatan menghantar dokumen sokongan seperti mana arahan tender tidak akan dipertimbangkan.